



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN(PKPD) KAMPUNG TAJIN,KUALA BERANG, DAERAH HULU TERENGGANU, TERENGGANU

Dikemaskini pada 12 Jun 2021

Waktu Berkuatkuasa 24 Jam

Waktu Aktiviti Seperti ketetapan

Pergerakan

Dibenarkan dengan

Dibenarkan dalam penerangan ringkas

Penduduk

bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan

Penerangan Ringkas

Kawasan yang Terlibat

Kampung Tajin, Kuala Berang, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu

Tempoh Berkuat Kuasa

12 Jun 2021 (mulai 12.01 pagi) sehingga 25 Jun 2021 (11.59 malam)

Kawalan Pergerakan

- PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM, RELA & PBT.
- **Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.**
- Semua penduduk di dalam kawasan PKPD **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari kediaman/tempat tinggal masing-masing **kecuali seorang (1) sahaja wakil isi rumah** dibenarkan keluar hanya untuk mendapatkan **bekalan makanan dan keperluan asas** di premis perniagaan yang dibenarkan oleh PDRM.
- Penduduk **TIDAK DIBENARKAN** untuk keluar/masuk ke/dari kawasan PKPD
- Pergerakan keluar masuk pegawai bertugas ke dalam kawasan PKPD adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan *case to case basis*.
- **Tiada tetamu dan pelawat luar** dibenarkan masuk dalam tempoh PKPD berkuatkuasa.
- Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi. Pengecualian hanya diberikan kepada seorang **(1)** wakil dari setiap rumah yang mengusahakan pertanian tanaman dan ternakan bagi tujuan penjagaan tanaman dan ternakan mereka dengan syarat mendapat kebenaran PDRM.

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan Bekalan Makanan
- Mendapatkan rawatan kesihatan

Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yangdibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD; &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertaklukkepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN(PKPD) KAMPUNG TAJIN,KUALA BERANG, DAERAH HULU TERENGGANU, TERENGGANU

Dikemaskini pada 12 Jun 2021

Waktu Berkuatkuasa 24 Jam

Waktu Aktiviti Seperti ketetapan

Pergerakan

Dibenarkan dengan

Dibenarkan dalam penerangan ringkas

Penduduk

bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> • KKM akan melakukan saringan secara keseluruhan kepada semua penduduk yang terlibat. • Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian adalah dibenarkan tetapi perlu kemukakan permohonan pergerakan kepada pihak PDRM. • Pergerakan merentas mukim dalam daerah yang sama bagi tujuan vaksinasi COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dibenarkan dengan menunjukkan butiran janji temu di aplikasi MySejahtera, laman sesawang atau SMS. • Semua aktiviti keagamaan adalah tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh pihak MAIDAM. • Pekerja selain daripada perkhidmatan perlu tidak dibenarkan keluar dari kawasan PKPD dan tidak boleh bekerja sepanjang tempoh PKPD. Majikan hendaklah mematuhi perintah ini dan membenarkan pekerja bercuti atau bekerja dari rumah (<i>work from home</i>).
Saluran Makanan dan Keperluan	<ul style="list-style-type: none"> • Sumbangan dan bantuan daripada NGO, ADUN dan lain-lain akan diselaras melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Hulu Terengganu.

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan Bekalan Makanan
- Mendapatkan rawatan kesihatan

Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yangdibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD; &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.